



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Latihan
Training Division
Aras 3 dan 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8885 0748
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 500/3/4/10 Jld 6 (92)

Tarikh : 04 September 2020

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital / Institusi Latihan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR / PROGRAM LATIHAN DENGAN / TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI AKADEMIK 2021 / 2022 KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia berbesar hati mempelawa pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai KKM bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan dengan / tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi akademik 2021 / 2022.

3. Pegawai hanya boleh memilih **salah satu** permohonan sahaja bagi tawaran berikut:

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN A	Terbuka kepada pegawai kumpulan P&P (Bukan Gunasama) lantikan KKM untuk mengikuti kursus peringkat Sarjana (Selain Sarjana Perubatan) / Ph.D / Area of Special Interest (Selain Subkepakaran) . Calon boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar seperti berikut: i. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP; ATAU ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa HLP.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 01948

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN B	<u>SARJANA PERUBATAN DENGAN HLP KKM</u> Terbuka kepada Pegawai Perubatan untuk mengikuti kursus Sarjana Perubatan (Sistem Bersepadu) di Universiti Awam bagi kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP. <u>SARJANA PERUBATAN TAJAAN SUNWAY MEDICAL CENTRE SDN. BHD.</u> Terbuka kepada Pegawai Perubatan untuk mengikuti kursus Sarjana Perubatan (Sistem Bersepadu) dalam enam (6) bidang di Universiti Awam bagi kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa HLP Dengan Tajaan Sunway Medical Centre Sdn. Bhd.
TAWARAN C	Terbuka kepada Pegawai Perubatan Pakar bagi mengikuti kursus Subkepakaran dengan HLP.
TAWARAN D	Terbuka kepada Pegawai Perubatan bagi mengikuti kursus <i>Parallel Pathway</i> dengan HLP.
TAWARAN E	Terbuka kepada pegawai kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama) lantikan KKM untuk mengikuti kursus peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda . Calon boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar seperti berikut:- i. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa HLP; ATAU ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP.

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran HLP / Tanpa HLP ini boleh diakses melalui Sistem Permohonan eHLP KKM di laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my> **mulai jam 10.00 pagi, 14 September 2020 sehingga 9 Oktober 2020.** Untuk makluman, penawaran iklan bagi Tawaran A dan B akan dijalankan secara *online* sepenuhnya. Panduan bagi pemohon, Unit Sumber Manusia dan Ketua Jabatan adalah seperti di Lampiran.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah amat diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pengurusan Latihan

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Pengarah Kanan
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
9. Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
10. Ketua Profesion Pengajar
ILKKM Kota Kinabalu
Kementerian Kesihatan Malaysia
11. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)